



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 4 TAHUN 2009

**KEBENARAN MENDUDUKI ASRAMA BAGI PESERTA KURSUS YANG
BERCADANG KELUAR LEWAT (*LATE CHECK OUT*) SETELAH TAMAT
KURSUS ATAS SEBAB-SEBAB TERTENTU**

TUJUAN

1. Surat Arahan Pengarah INSTUN ini bertujuan memberi kebenaran kepada peserta kursus yang bercadang keluar lewat (*late check out*) dari asrama setelah tamat kursus atas sebab-sebab tertentu.

LATARBELAKANG

2. Surat Arahan ini disediakan berikutan keputusan Mesyuarat Pengurusan INSTUN, Bil.2/2009 pada 23 Mac 2009. Mesyuarat memutuskan supaya satu arahan khusus dikeluarkan bagi membenarkan peserta kursus yang memohon keluar lewat (*late check out*) dari asrama setelah tamat kursus atas sebab-sebab tertentu.

3. Secara praktisnya, waktu pendaftaran keluar (*check out*) dari asrama yang ditetapkan oleh Seksyen Domestik pada hari akhir kursus seperti berikut:

Waktu Daftar Keluar (*Check out*) :12.30 tengah hari – 5.00 petang
(**Isnin – Khamis**); atau

:12.00 tengah hari – 1.00 petang/

:3.00 petang – 5.00 petang

(**Jumaat**)

4. Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil peserta kursus yang bercadang untuk keluar lewat (*late check out*) dari asrama dan memerlukan peserta bermalam atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan. Antara sebab-sebabnya adalah penundaan tarikh dan masa penerbangan kapal terbang, perjalanan yang jauh terutama peserta dari Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak, masalah pengangkutan dan memerlukan masa rehat yang mencukupi untuk memandu sendiri kenderaan dan sebagainya.

TAFSIRAN

5. “**Peserta Kursus**” adalah pegawai / kakitangan yang menghadiri kursus di INSTUN;
6. “**Keluar Lewat (*late check out*)**” bermakna keluar atau meninggalkan asrama lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Seksyen Domestik dan Pengurusan INSTUN;
7. “**Sebab-Sebab Tertentu**” bermakna apa juga alasan yang difikirkan munasabah yang patut diberi pertimbangan oleh Pengarah/Pendaftar/Pengurus Domestik bagi membenarkan peserta mendiami asrama dalam jangka masa tertentu. Antara sebab-sebab munasabah adalah penundaan tarikh dan masa penerbangan kapal terbang, perjalanan yang jauh, masalah pengangkutan, peserta memerlukan masa rehat yang mencukupi untuk memandu sendiri kenderaan dan sebagainya.

OBJEKTIF

8. Sebagai panduan dan rujukan Seksyen Domestik dan Penyelaras Kursus bagi melancarkan proses pendaftaran keluar (*check out*) peserta kursus;
9. Untuk mempamerkan perkhidmatan mesra pelanggan dan keprihatinan Pengurusan INSTUN terhadap kebajikan peserta kursus.

PELAKSANAAN

10. Penyelaras Kursus dikehendaki memaklumkan selewat-lewatnya 2 jam sebelum kursus tamat kepada Seksyen Domestik butiran mengenai **nama peserta, nombor bilik, nombor telefon bimbit untuk dihubungi (jika ada), tarikh/waktu *check out* sebenar, nombor kenderaan** dan alasan untuk daftar keluar (*check out*) lewat;
11. Peserta kursus juga dibenarkan berhubung terus kepada Seksyen Domestik bagi memohon **keluar lewat (*late check out*)** dengan menyatakan butiran mengenai **nama peserta, nombor bilik, nombor telefon bimbit untuk dihubungi (jika ada), tarikh/waktu *check out* sebenar, nombor kenderaan** dan alasan untuk keluar lewat (*late check out*);
12. Kuasa membenarkan **keluar lewat (*late check out*)** boleh diberi oleh mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di Seksyen Domestik. Dalam keadaan ini, Seksyen Domestik tidak menyediakan makan/minum kepada peserta yang keluar lewat;
13. Pegawai di Seksyen Domestik hendaklah memaklumkan melalui memo/emel/telefon kepada Pegawai di Seksyen Keselamatan atau Pengawal Keselamatan nama, nombor bilik dan nombor kenderaan peserta bagi tujuan pemeriksaan keselamatan semasa meninggalkan kawasan INSTUN;
14. Bagi peserta kursus yang ingin keluar lewat (*late check out*) selepas waktu pejabat iaitu dari jam 5 petang hingga 8 pagi (hari bekerja) atau hari Sabtu/Ahad/Cuti Am, peserta perlu memulangkan kunci bilik asrama kepada Pengawal Keselamatan di Pondok Pengawal pintu utama. Pengawal Keselamatan diberikuasa untuk memeriksa

peserta-peserta kursus bagi memastikan mereka tidak membawa pulang barang-barang kepunyaan INSTUN;

15. Semua Ketua Bahagian/Ketua Seksyen/Penyelaras Kursus /Urus Setia Kursus hendaklah memaklumkan perkara ini kepada peserta kursus pada sesi taklimat kursus. Arahan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pegawai yang bertanggungjawab di Seksyen Domestik. Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Pendaftar, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN.

TARIKH KUAT KUASA

16. Surat Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENDAHULUI CABARAN”



(HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HJ. ARSHAD)

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 19 Jun 2009

Edaran kepada semua Pegawai / Kakitangan INSTUN

Disediakan oleh :

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

